

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN
KELUARGA UPM OKTOBER '94

SKA 301

STRUKTUR PENTADBIRAN SUKU-SUKU
DALAM SISTEM ADAT LUAK JELEBU

PENSYARAH :
ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM

OLEH : KUMPULAN 17 '94
PROGRAM BAC. PEND. (BIMBINGAN & KAUNSELING)

1. MOHD ALI BIN JAAMAT	35093
2. MAT FADZIL BIN ABD. RAHMAN	34961
3. ZAHEAH BIN LEP	37031
4. AHMAD RIDZWAN BIN BASRI	35010
5. AZMAN BIN IBRAHIM	35114

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN
KELUARGA UPM OKTOBER '94

SKA 301

STRUKTUR PENTADBIRAN SUKU-SUKU
DALAM SISTEM ADAT LUAK JELEBU

PENSYARAH :

ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM

OLEH : KUMPULAN 17 '94
PROGRAM BAC.PEND.(BIMBINGAN & KAUNSELING)

1. MOHD ALI BIN JAAMAT	35093
2. MAT FADZIL BIN ABD. RAHMAN	34961
3. ZAHBAH BIN LEP	37031
4. AHMAD RIDZWAN BIN BASRI	35010
5. AZMAN BIN IBRAHIM	35114

PRAKATA

Dalam menjalankan penulisan esei ini pihak penyelidik dan penulis telah mendapat bantuan dan kerjasama dari berbagai pihak tertentu. Terutama sekali kami telah mendapat bimbingan dan tunjuk ajar dari pihak pensyarah dalam bidang ini, SKA 301 iaitu Encik Norhalim Hj. Ibrahim dari peringkat awal hingga akhir penulisan ini.

Penulisan ini juga tidak akan berhasil sekiranya tanpa maklumat serta bahan-bahan yang diperolehi dari Perpustakaan Awam Jelebu dan bahan-bahan koleksi dari Dato' Ombi Abdul Ghani bin Dato' Shahmaruddin yang banyak membantu sebagai maklumat terkini dalam pentadbiran adat di Luak Jelebu.

Akhir sekali, para penulis ingin mengucapkan terima kasih di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam penghasilan penulisan ini dari awal sehingga ianya dapat dibukukan.

Terima kasih.

KANDUNGAN

	halaman
I PRAKATA	
II KANDUNGAN	
1.0 PENDAHULUAN	1
2.0 SEJARAH UMUM JELEBU	3
3.0 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	7
4.0 ADAT PERPATIH	9
5.0 SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL JELEBU	11
6.0 PENTADBIRAN SUKU DAN ADAT ISTIADAT	13
6.1 INSTITUSI UNDANG LUAK JELEBU	14
6.2 PERLEMBAGAAN PENTADBIRAN	15
6.3 JUAK-JUAK UNDANG LUAK JELEBU	16
6.4 DATO' BESAR DELAPAN	17
6.5 SUSUNAN GILIRAN JAWATAN SETIAP TUA DAN LEMBAGA KEPADA SETIAP WARIS, SUKU DAN BUAPAK	21
6.6 LEMBAGA KURNIA LUAK JELEBU	28
7.0 KANUN ADAT LUAK JELEBU	33
8.0 PESAKA WARIS	34
9.0 PENUTUP	36
NOTA KAKI	
BIBLIOGRAFI	
RESPONDEN YANG DIWAWANCARA	
LAMPIRAN	

6.0 PENTADBIRAN SUKU DAN ADAT ISTIADAT

Pentadbiran adat perpatih adalah mengikut cara demokrasi. Pentadbir yang pertama sekali terletak di tangan **mamak** (saudara lelaki yang tertua dari ibu); kemudian **buapak** (ketua perut); kemudian **lembaga** (ketua suku); kemudian **Undang** (ketua luak) dan akhir sekali **Ketua Negeri** (Yang Dipertuan Besar atau Yamtuan). Buapak dipilih oleh mamak, lembaga dipilih oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik oleh lembaga dan Yamtuan dipilih serta dilantik oleh Undang. Keturunan yang dinisabkan adalah menyusur galurkan menurut keturunan dari pihak ibu (unilateral-matrilineal).

Adat yang dipakai di Negeri Sembilan ini bukanlah seratus peratus sama dengan adat yang dipakai di Sumatera tetapi ia telah diubahsuai dengan suasana tempatan. Sebagai contoh di mana institusi Undang tidak terdapat di Minangkabau, malah perlaksanaan adat juga berbeza mengikut luak-luak masing-masing.

6.1 INSTITUSI UNDANG LUAK JELEBU

Secara umumnya Undang Luak Jelebu adalah seperti juga para Undang yang lainnya merupakan kuasa yang tertinggi di luaknya seperti kata perbilangan;

sekecil-kecil anak buah,
sebesar-besar Undang.

Segala perintah Undang ini dianggap sebagai 'sabda'. Undang diletakkan sebagai ketua dalam segala aspek kehidupan termasuk ketua di dalam agama Islam dan adat. Sebagai ketua adat Undang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan adat agar ianya dipatuhi oleh anak buah di dalam luaknya. Dalam menguatkuasakan adat ini, Undang berperanan sebagai hakim dan bidang kuasanya amat luas seperti kata perbilangan;

Boleh menghitam dan memutihkan
Boleh memanjang dan memendekkan
Boleh mengesah dan membatalkan

Walau bagaimanapun, dalam mengendalikan hal-ehwal adat di luaknya Undang dibantu oleh satu badan yang dikenali sebagai 'jemaah adat'. Di Jelebu jemaah adat ini dianggotai oleh ketua waris yang tiga iaitu waris-warisan suku Biduanda yang boleh mencalonkan Undang.

6.2 PERLEMBAGAAN PENTADBIRAN

Alam Beraja (keadilan)

Luak Berpenghulu (Undang)

Lingkungan Bertua (Lembaga)

Anak Buah Berbuapak

Orang Semenda Bertempat Semenda

Menurut Perlembagaan Pentadbiran Adat Luak Jelevu, tampuk pemerintahan adalah pada Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelevu Dato' Mendika Menteri Akhirul Zaman, Sultan Jelevu. Sekarang ini masih lagi disandang oleh Dato' Haji Musa bin Wahab, Undang yang Ke 15 semenjak pertabalannya pada 19.4.1981.

Di bawah pentadbiran Undang terdapat Dato' Yang Delapan yang terbahagi tiga bahagian iaitu Kepala Waris Bersalasilah Nan Dua ataupun Waris Negeri, Lembaga (Adat) Nan Tiga serta Kepala Waris Nan Tiga Ataupun Waris Berundang seperti mana yang akan dihuraikan selepas ini.

Selain daripada itu terdapat beberapa orang dato' yang dilantik mewakili setiap suku dan waris sebagai panglima atau pengiring Undang terutamanya sewaktu istiadat pertabalan Undang yang dipanggil juga Juak-Juak Undang Luak Jelevu.

6.3 JUAK-JUAK UNDANG LUAK JELEBU

	GELARAN	SUKU/WARIS	TANGGUNGJAWAB
1.	Tok Laksamana (Ketua Juak-juak)	Waris Ulu Jelebu	Memegang bendera (Tetunggul)
2.	Tok Panglima Hitam	Suku Mungkal	Memegang Tombak benderang
3.	Tok Panglima Garang	Waris Menteri	Memegang Pedang
4.	Tok Panglima Sutan	Suku Batu Belang	Memegang Pedang
5.	Tok Panglima Sutan	Suku Tanah Datar	Memegang Lembing
6.	Tok Panglima Jaya	Waris Kemin	Memegang Keris Panjang
7.	Tok Panglima Bebas	Waris Sarin (Lengkongan Paduka)	Memegang Payung
8.	Tok Panglima Raja	Waris Ulu Jelebu (Lengkongan Raja Balang) Gabai	Memegang Keris panjang
9.	Tok Panglima Perang	Waris Kemin	Memegang Keris panjang
10.	Tok Panglima Dalam	Waris Sarin (Lengkongan Paduka)	Menyediakan Mohor dan Darjah-darjah Kehormatan Undang

6.4 DATOK BESAR DELAPAN

Orang Delapan luak ini ialah kepala waris dan suku-suku atau Dato'-Dato' Lembaga yang memegang kuasa untuk menjalankan adat mengikut perlembagaannya. Dato' Lembaga dilantik oleh buapak atau ketua perut. Sebagai ketua suku, Dato' Lembaga bertanggungjawab untuk menjaga keharmonian sukunya. Di dalam menjalankan tanggungjawab ini, Dato'-dato' Lembaga berkuasa untuk menyelesaikan sebarang perkara yang berlaku di kalangan anggota sukunya. Tetapi kuasa yang ada pada Dato' Lembaga ini tidaklah sama dengan kuasa yang ada pada Undang. Ini adalah kerana perbilangan adat telah menetapkan bahawa kuasa Undang "berkelentasan"(7), manakala kuasa Dato'-Dato' Lembaga pula "bersekat"(8).

Dalam bidang jenayah misalnya, Dato'-dato' Lembaga hanya boleh menyelesaikan kes-kes yang kecil sahaja seperti perkelahian kecil antara anggota suku, salah faham dan menyiasat serta mengambil tindakan ke atas segala aduan hutang piutang yang berlaku di dalam sukunya. Manakala kes-kes yang besar pula seperti membunuh, Dato'-dato' Lembaga hanya berfungsi sebagai "polis" sahaja - menyiasat, menangkap dan membawa pesalah kepada Undang. Di samping itu Dato'-Dato' Lembaga juga berkuasa dan bertanggungjawab dalam soal-soal pembahagian atau pemindahan tanah pusaka di kalangan anggota-anggota sukunya.

Di antara Dato'-dato' Lembaga atau ketua suku yang ada di Jelevu, ada di antara mereka yang mempunyai status yang lebih tinggi. Ketinggian status ini digambarkan melalui kuasa yang ada pada mereka iaitu kuasa untuk melantik Undang. Mereka juga dikenali sebagai "Dato' Lembaga yang Lapan" atau "Orang Delapan". Senarai Dato'-Dato' Lembaga tersebut adalah seperti berikut:

1. Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sehari	Tua Waris Menteri Biduanda Sasilah
2. Dato' Mengiang Merah Bangsa	Lembaga Suku Mungkal
3. Dato' Cincang Maharaja Lela	Lembaga Suku Tanah Datar
4. Dato' Senara Bangsa	Lembaga Suku Batu Belang
5. Dato' Ombi Pangkai Maharaja Lela	Tua Waris Ombi Biduanda Sasilah
6. Dato' Raja Balang	Tua Waris Jelevu Biduanda Waris Berundang
7. Dato' Paduka Menti	Tua Waris Sarin Biduanda Waris Berundang
8. Dato' Maharaja Inda	Tua Waris Kemin Biduanda Waris Berundang

Semua suku dan waris yang tersebut adalah mewakili adat dalam perlembagaan adat di Luak Jelevu. Suku Biduanda terbahagi kepada lima bahagian iaitu dua waris sasilah dan tiga waris berundang. Waris Sasilah ialah waris Menteri dan Ombi dan Waris Berundang ialah waris Ulu Jelevu, Sarin dan Kemin.

Sebagaimana yang telah teradat dan disahkan keli-ma-lima waris itu adalah berhak menerima sara hidup bulanan yang dipanggil duit hasil negeri atau kata adatnya Lemak Tanah. Bagi waris Sarin pula telah dipe-cah dua dan satu daripadanya tidak boleh mengadakan Benih Undang kerana Tuanya yang pertama iaitu Dato' Raja Teras telah membunuh seorang rakyat tanpa menghiraukan arahan Undang.

Di samping lima waris yang terdapat di dalam suku Biduanda, terdapat pula suku-suku yang datang terus dari Sumatera. Suku-suku tersebut ialah suku Batu Belang, suku Tanah Datar dan suku Mungkal yang mempunyai perwakilan masing-masing dengan gelaran-gelaran seperti yang disenaraikan di atas. Dengan adanya suku yang mendatang ini, maka genaplah lapan orang Dato' Lembaga yang ber-naung di Luak Jelebu.

Mengikut peraturan adat di Jelebu, Dato' Menteri dan Dato' Ombi ini tidak berhak untuk menyandang atau menjawat pesaka Undang kerana mereka tidak mempunyai hak, tetapi di antara lapan orang Dato' Lembaga yang ada di Jelebu, mereka ini mendapat kedudukan dan tugas yang

penting. Di samping itu Dato' Menteri juga berhak untuk memangku jawatan Undang sekiranya Undang meninggal dunia dan di waktu memangku jawatan itu segala perintahnya dianggap sebagai sabda.

Waris Berundang adalah terdiri dari waris Ulu Jelebu, Waris Kemin dan Waris Sarin. Ketiga-tiga waris ini adalah merupakan waris yang berhak untuk menyandang pesaka Undang. Ketiga-tiga waris ini juga dikenali dengan nama 'Waris yang Tiga'. Salah satu dari fungsi utama ketua-ketua 'Waris yang Tiga' itu ialah bertindak sebagai 'jemaah adat' iaitu satu badan yang penting untuk membantu Undang seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Menyentuh suku-suku yang 'mendatang' pula, sekalipun mereka ini tidak mempunyai hak keistimewaan seperti Waris Sasilah dan Waris Berundang, tetapi mereka ini memainkan peranan yang penting dalam proses perlantikan seseorang Undang.

Jawatan Dato' Lembaga yang Lapan yang ada di Jelebu adalah merupakan jawatan atau pesaka bergilir (rotation of office). Ini adalah kerana di dalam suku dan waris terdapat beberapa perut (9) yang boleh mewartisi jawatan atau pesaka tersebut.

6.5 SUSUNAN GILIRAN JAWATAN SETIAP TUA
DAN LEMBAGA KEPADA SETIAP WARIS.
SUKU DAN BUAPAK

1. WARIS MENTERI

Gelaran Tuanya, Dato' Menteri.

Giliran Perut	Meribong (i)	Kg.Tengah (ii)	Durian Daun (iii)	Mengkan (iv).
Buapak	Tok Amar Pahlawan	Tok Lela Raja	Tok Berembun	Tok Dagang
Giliran	Genta	Tabuan	Panjang	Dagang
	Kurus	Desan	Kokut	Junding
	Mela	Jamin	Ahat	Hj.Matnur
	Tahat	Latin	Sawal	Hj.Salleh
	Ujang	Long	Talib	Othman
		Abdullah	Kilau	

(Hj.Selibar b. Sabtu)

2. WARIS OMBI

Gelaran Tuanya, Dato' Ombi.

Giliran Perut	Larong Hulu (i)	Teriang (ii)	Larong Hilir (iii)
Buapak	Tok Senara Sati	Tok Imam Perang	Tok Lela Perkasa
Giliran	Bata	Langar	Kesu
	Molek	Badu	Dali
	Jantan	Ijah	Taah
	Abd.Kadir (Ghani)	Mamat	Kaman
		Naam	

3. WARIS HULU JELEBU

Gelaran Kepala Warisnya, Dato' Raja Balang

Giliran Perut	Ulu Jelebu (i)	Chenor (ii)
Buapak	Tok Beremban	
Giliran	Munuk	Saiyid Ali
	Erut	Sahu
	Manah	Said
	Dolah	
	Dekus	
	Kidin	
	Long	
	Rahmat	

4. WARIS SARIN "A" (10)

Gelaran Kepala Warisnya, Dato' Paduka Menti.

Giliran Perut	Aur Duri (i)	Peninjau (ii)	Kirim Mudek (iii)
Buapak	To' Muda		
Giliran	Mendok	Jambi	Gelam
	Linjun	Sari	Hj. Bidin
	Burok	Jamai	Sulaiman (akhir)
	Maakit	Manap	

WARIS SARIN "B"

Gelaran Tuanya Dato' Raja Di Raja

Giliran Perut	Kuala Jelebu (i)	Merbau (ii)	Jelin (iii)
Buapak			
Giliran	Kiya Pilus	Erut (Salleh Manap)	Kechik

5. WARIS KEMIN

Gelaran Kepala Warisnya, Dato' Maharaja Inda.

Giliran Perut	Kemin (i)	Teriang (ii)	Bemban (iii)
Buapak	Tok Laksamana	Tok Lela	Tok Menti Penghulu
Giliran	Tatang Angsa Usoh Jang Othman Alit	Kemin Talib Mohd Ujang (Kamarudin)	Antah Musid Musin Yusoh Azit

6. SUKU BATU BELANG

Gelaran Lembaganya, Dato' Senara Angsa

Giliran Perut	Teriang (i)	Beringin (ii)
Buapak	Tok Laksamana	Tok Lela Setia
Giliran	Isa	Pinchit
	Sukul	Butun
	Jantan	Mamat
	Akin	Ismail

7. SUKU MUNGKAL BAHAGIAN I

Gelaran Lembaganya, Dato' Mengiang Merah Bangsa.

Giliran Perut	Kg.Bukit (i)	Danau Selamat (ii)	Bukit Piatu (iii)
Buapak	Tok Panglima Hitam	Tok Maharaja Senara	Tok Megat Maharaja
Giliran	Bakok	Sintak	Panau
	Selayak	Hussain	Duli
	Kadir	Solok	Sada
		Jati	Tahir
		Syed Sohor	(Hj.Salim)

SUKU MUNGKAL BAHAGIAN II WARIS DI AIR

Gelaran Tuanya Dato' Shahbandar (Puchok Bulat)

Giliran Perut	Chepum (i)	Jelebu Tengah (ii)	Sawah Liat (iii)
Buapak	Tok Berjuansa	Tok Maharaja Perba	Tok Laksamana
Giliran	Sohor	Kahar	Awan
	Kechil	Chadin	Ampang
	Onah	Jaamat	Ishak
	Abd. Rahman	Ahmat	
	Yusof	Syed Ahmad	
		Suh	
		Harun	

8. SUKU TANAH DATAR

Gelaran Lembaganya Dato' Chinchang Maharaja Lela.

Giliran Perut	Tembun (i)	K. Klawang (ii)	Kg. To' Bujang (iii)
Buapak	Tok Juan	Tok Akim	Tok Sutan
Giliran	Dagang	Tuang	Tangguh
	Maali	Kadir	Wahid
	Pileh	Timbang	Ali
	Hj. Jalil	Sidek	
		Tahir	
		Sakar	
		Ujang	

Selain daripada dato' yang lapan ini ada beberapa dato' lain lagi yang menjadi Tua bagi kumpulan mereka pula dibawah naungan Undang seperti;

1. Dato' Amar Penghulu:

Lembaga Suku Biduanda Ulu Klawang dahulunya termasuk dalam lingkungan Luak Sungai Ujong.

Perut mengikut gilirannya ialah;

- i. Rambai Baris
- ii. Tanjung Berangan
- iii. Kg. Bukit Peraduan

Tuanya digilirkan mengikut kata adatnya di hadapan penghulunya; jika penghulunya orang Rambai Baris, jadi To' Menti diberi pada orang Perut Tanjung Berangan dan begitulah seterusnya.

2. Dato' Shahbandar:

Pucuk Bulat Waris Di air, Tumpuan segala Dagang Lembaga Suku Mungkal II.

3. Orang-orang Besar di bawah naungan Dato' Menteri iaitu:

i. Dato' Lela Wangsa Seri Dewangsa:

Lembaga Suku Tiga Batu, bekas Air Kaki
Yamtuan Hulu Kelawang.

ii. Dato' Muda Kenaboi:

Ketua orang Kenaboi.

4. Beberapa orang dato' juga telah dilantik bagi mewakili beberapa kumpulan orang mendatang. Semenjak Tampok pemerintahan oleh Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu Yang Ke 15 ini, mereka yang mendatang telah digelar "Lembaga Kurnia" kepada Tua yang dilantik dan meliputi orang yang mendatang dari seluruh dunia. (11)

6.6 LEMBAGA KURNIA LUAK JELEBU:
RI'AYAH DAN BIDANGKUASA SERTA NAMA LEMBAGA,
BUAPAK, PEWARIS YANG MENYANDANG SEKARANG.

1. DATO' SATI (Tua Orang Pilah):

Meliputi Seri Menanti, Jempol, Hulu Muar, Teraci,
Gunung Pasir, Gemenceh, Inas dan Johol.

LEMBAGA : Dato' Sati Haji Abdul Karim bin Ponggok.

SEKA : Pisah binti Silong

BUAPAK : To' Lela Mohd Nor bin Taha.

: To' Duka Seraja Hj. Mahmud bin Chanap.

: To' Jengkaya Bujal bin Sitam.

2. DATO' SURU (Tua Orang Rembau):

Meliputi Rembau Tampin, Melaka, Johor dan Singapura.

LEMBAGA : Dato' Sura Hj. Shahabudin bin Mohd Nor.

SEKA : Hajjah Mahami binti Taha.

BUAPAK : To' Laksemana Jaya Hj. Muharam bin Jadi.

ORANG BESAR : To' Nara Janor bin Mohd Nor.

: To' Menteri Hakim Hj. Abd. Razak bin
Hassan.

3. DATO' INDERA PERBA (Tua Orang Pahang):

Meliputi Pahang, Terengganu, Kelantan, Thailang, Burma dan Kampuchea.

LEMBAGA : Dato' Indera Perba Mansor bin Mohd Akhir.

: Zaiton binti Yusof.

SEKA : To' Amar Yusof bin Gabas.

: To' Panglima Jaya Hj. Maasom bin Jaaman.

4. DATO' AMPAT (Tua Orang Minangkabau):

Meliputi Sumatera (kecuali Jambi dan Mandehiling), Vietnam, China, Korea, Jepun dan Rusia.

LEMBAGA : Dato' Ampat Hj. Abd. Samad bin Yaakob.

SEKA : Manah binti Yaacob.

BUAPAK : To' Mangku Yaakob bin Abd. Ghani.

: To' Muda Shamsudin bin Jaamat.

5. DATO' SETIA BANGSA (Tua Orang Jawa):

Meliputi Jawa, India, Seri Langka, Kepulauan Maldives, Afrika, Madagaska dan Asia Barat.

LEMBAGA : Dato' Setia Bangsa Selamat bin Undek.

SEKA : Limah binti Karto

BUAPAK : To' Pati Ismail bin Dahlan

: To' Singa Hj. Sareh bin Manan.

6. DATO' DAGANG JAMBI (Tua Orang Jambi):

Meliputti Jambi, Malaysia Timur, Nusantara (kecuali Sumatera dan Jawa), Filipina, Papua New Guinea dan Kepulauan Selatan.

LEMBAGA : Dato' Dagang Jambi Hasan bin Ali.

SEKA : Hajjah Kalimah binti Hj. Karim.

BUAPAK : To' Ampat Abd. Karim bin Hj. Manaf.

7. DATO' MANGKU SETIA (Tua Orang Mengkiang Tujuh):

Meliputi Seremban, Port Dickson, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah Dan Perlis.

LEMBAGA : Dato' Mangku Setia Nordin bin Lajim

SEKA : Siti binti Lajim

BUAPAK : To' Nara Jaya Baba bin Talib.

: To' Pangku Muda Hamzah bin Tahir.

8. RAJA MALIM BENDAHARA (Tua Orang Mandehiling):

Meliputi Mandehiling, benua-benua Eropah, Amerika Utara, Amerika Selatan, Australia dan New Zealand.

LEMBAGA : Raja Malin Bendahara Tengku Hj. Silatur-
rahim bin Tengku Alias.

SEKA : Tengku Saedah bt. Tengku Alias.

BUAPAK : To' Bijaya Serigar Zainuddin bin Yusak.

: To' Serihassuan Mohd Tahar bin Musliman.

Semua Dato' Lembaga Kurnia di atas diletakkan di bawah ri'ayah Dato' Shahbandar, Pucuk Bulat Waris di Air, Tumpuan segala Dagang. Oleh yang demikian maka Haluan sembah kepada titian balai Undang hendaklah melalui Dato' Shahbandar. Adapun Dato'-dato' Lembaga dalam Orang Delapan atau disebut juga Balai Nan Panjang dengan Dato' Lembaga yang di bawah naungan Undang adalah sebagai Ijuk Penebal .

Segala urusan pentadbiran adat hendaklah menggunakan pendekatan adat Berjinjang Naik, Bertangga Turun.

Di bawah dato'-dato' yang tersebut di atas tadi ada beberapa buapak pula seperti yang telah disebutkan terdahulu. Mereka ini menjadi pengawas sesuatu perut dalam suku atau warisnya itu dalam penyelenggaraan adat.

Memandangkan jawatan Dato' Lembaga ini merupakan jawatan atau pesaka bergilir, maka tiap-tiap perut akan diberi peluang untuk menjawatnya berdasarkan giliran masing-masing. Misalnya jika Dato' Lembaga dari Waris Menteri yang meninggal dunia atau

dipecat atau meletakkan jawatan datang dari perut Meribong, maka ia akan digantikan pula oleh calon dari perut Kampung Tengah, dan begitulah seterusnya. Walau bagaimanapun giliran mengikut perut ini ada kalanya diketepikan dan sebaliknya kebolehan seseorang calon yang diutamakan.

Perkara yang penting dalam pemilihan Dato'-dato' Lembaga ini adalah berdasarkan kepada konsep "Kebulatan" di mana persetujuan dari semua buapak dimestikan dan kemudiannya disahkan oleh Undang.

NOTA KAKI

1. Buyung Adil, Sejarah N. Sembilan, DBP 1981.
2. Dharmala N.S., Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan N. Sembilan.
3. Cerita lisan Tuan Hj. Yusof bin Idris.
4. Sejarah Jelebu oleh Kalam Terjali (Osman Mat Lela) 1967.
5. Ibrahim Mustafa, "Sejarah ringkas kedatangan orang-orang Minangkabau dan adat perpatih ke N. Sembilan", Warisan 1981 h.22.
6. Caldecot. A, "Jelebu Customary Songs and Sayings" dalam JMBRAS, Vol.78. 1918, Pg. 26-27.
7. 'Berkelentasan' bermaksud 'luas'.
8. 'bersekat' bermaksud 'terbatas' yakni terbatas pada sukunya sahaja.
9. Perut merupakan satu unit kekeluargaan yang mana anggota-anggotanya percaya bahawa mereka berasal nenek moyang yang sama. Beberapa perut membentuk suku.
10. 'Telah dihapuskan' - temuramah dengan Dato' Ombi, sejak perlantikan Undang ke 15.
11. Diwujudkan semasa pemerintahan Undang ke 15 sekarang - temuramah dengan Dato' Ombi seperti mana topik kecil bahagian 6.6.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghani Shamaruddin, "Undang Luak Jelebu: Adat Pertabalan", Dewan Bahasa, Vol. 2, No:1, 1959.
- Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu Berhad, K. Lumpur 1968.
- Asmad. Siri Lambaian Nusa, N. Sembilan. AED (M) Sdn. Bhd. 1987.
- Buyung Adil. Sejarah N. Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka. 1981.
- Caldecott, A., Jelebu: Its History and Constitution, Papers On Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1912.
- _____, "Jelebu Customary Songs and Sayings", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol.78, 1918.
- Kalam Terjali, Jelebu. Sejarah Perlembagaan Adat Dan Istiadatnya. 4 Nov. 1967.
- Nordin Selat, "Pemimpin Dalam Adat Perpatih." Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Belia N. Sembilan. 10 - 12 April 1974.
- Norhalim Ibrahim. Adat Perpatih, Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggong, Fajar Bakti, 1993.
- Yusman Ayob, Salasilah Nama Tempat N. Sembilan Darul Khusus dan Melaka Bandaraya Bersejarah, Prisma Sdn.Bhd. 1993.

LATIHAN ILMIAH/TESIS

Khairudin Abbas, "Institusi Undang Luak Jelevu: Kajian Terhadap Perkembangannya dan Analisis Ke atas Krisis Perlantikan Undang Jelevu 1980," Jabatan Sejarah, UKM 1984/85.

Noraini Jali, "Amalan Adat Perpatih Di Jelevu, N. Sembilan", Kajian Sejarah Tempatan, Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka, 1993/94.

SUMBER-SUMBER LAIN

Buku Cenderamata Istiadat Tabal Undang Luak Jelevu Ke 14, 4 November 1967.

Buku Program Istiadat Tabal Ke Bawah Kaus Undang Luak Jelevu Ke 15, 19 - 22 April 1981.

Buku Program Istiadat Mengadap Tiga Tahunan Kali Ke 4 Ke Bawah Kaus Undang Luak Jelevu Ke 15, 4 Februari 1993.

Budaya Negeri, Berita Penyelidikan Budaya N. Sembilan Darul Khusus, Januari 1993.

Warisan, Journal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Keluaran: 7, 82/83; 13, 88/89; 14, 1990.

RESPONDEN YANG DIWAWANCARA

1. Nama : Abdul Ghani Shahmaruddin.

Alamat : Balai Mengkan, K.Klawang, Jelebu.

Umur : 68 tahun.

Tarikh Wawancara : 8.10.94

Kaitan responden dengan kajian :

Beliau merupakan Dato' Ombi yang telah di lantik pada 4 Februari 1980 menggantikan Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus yang dipecat. Beliau seorang yang pakar dalam hal ehwal adat dan banyak menghasilkan artikel-artikel berhubung dengan adat yang dipakai di N. Sembilan.

2. Nama : Tuan Haji Mohd Yusof bin Idris.

Alamat : Kampung Mengkan Dalam, K. Klawang.

Umur : 75 tahun.

Tarikh Wawancara : 17.7.94.

Kaitan Responden dengan kajian :

Bekas Dato' Purba (Buapak To' Shah Bandar) Berpengetahuan luas dengan kisah persejarahan Jelebu dan adat istiadatnya.

3. Nama : Tuan Haji Md. Jan bin Othman.

Alamat : Kampung Pianggu, K. Klawang.


Umur : 56 tahun.

Tarikh Wawancara : 23.7.94.

Kaitan responden dengan kajian :

Salah seorang Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah N. Sembilan. Berasal dari Rembau, dan bersemenda dengan orang tempatan sejak mula bertugas sebagai guru di Jelebu.


LAMPIRAN




PETUNJUK :


- Sempadan negeri
- Sempadan Luak

DAERAH-DAERAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN





Cop Mohor
Dato' Menteri
Sah Mangku Alam Raja Sari





Cop Mohor
Dato' Penghulu Jelevu
yang dianugerahkan oleh Sultan Jo



ALAT KEBESARAN

1. *Empat Batang Tombak:* Yang dikatakan tombak rambunya berhampiran mata tombak.
2. *3 batang benderang:* Yang dikatakan benderang rambunya di hujung tangkai.
3. *Sebilah Sundang* Yang dikatakan sundang ialah sejenis pedang pendek sarungnya daripada perak.
4. *4 Bilah Pedang:* Terdapat empat bilah pedang panjang dan pendek.
5. *5 Bilah Keris:* Terdapat lima bilah keris panjang. Dua daripada lima bilah keris tersebut hulunya dibuat daripada perak.

**SALASILAH KETURUNAN DATO' MUSA BIN WAHAB
DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN,
UNDANG LUAK JELEBU YANG KELIMA BELAS, SARIN**

